

NAMA:.....

TINGKATAN:.....



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
NEGERI PERAK**

---

**MODUL KECEMERLANGAN SPM 2025  
SET 1**

---

**PERNIAGAAN  
KERTAS 1  
1 JAM 15 MINIT**

---

**ARAHAN :**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

---

*Kertas peperiksaan ini mengandungi 17 halaman bercetak*

- 1 Pasangan maklumat manakah yang benar berkaitan dengan organisasi perniagaan di bawah

 <p>Organisasi bukan bermotifkan untung</p> <p><b>LOVE ALL LIFE</b></p> <p><b>MNAWF</b> Malaysian National Animal Welfare Foundation</p> <p>Yayasan Kebajikan Haiwan Kebangsaan Malaysia (MNAWF)</p>	 <p><b>PETRONAS</b></p>
Organisasi A	Organisasi B

	Organisasi A	Organisasi B
A	Menawarkan perkhidmatan pada harga di bawah kos	Menjual barang kehendak pengguna
B	Perkhidmatan mendapat subsidi daripada kerajaan	Menjual barang pada harga kos
C	Menawarkan perkhidmatan pada harga di bawah kos	Barangan mendapat subsidi daripada kerajaan
D	Menawarkan perkhidmatan pada harga di atas kos	Menjual barangan kehendak pengguna

- 2 Pernyataan manakah menerangkan bentuk pemilikan sebuah koperasi?

- A Anggota mempunyai hak membuat keputusan
- B Anggota menanggung liabiliti tidak terhad
- C Koperasi dikenakan kadar cukai syarikat
- D Syer anggota bebas dipindah milik

- 3 Bentuk pemilikan perniagaan usahama ialah
- A Perniagaan yang menjaga kebajikan ahlinya
  - B Memberi hak kepada usahawan menggunakan jenama yang sama
  - C Perniagaan yang ditubuhkan bagi menggantikan perniagaan yang lama
  - D Perniagaan-perniagaan yang setuju bergabung untuk jangka masa tertentu
- 4 Apakah cabaran yang dihadapi oleh perniagaan bersaiz kecil?
- A Ketidakpastian pasaran
  - B Kos overhead yang tinggi
  - C Komunikasi yang kurang berkesan
  - D Persaingan mendapatkan pekerja mahir
- 5 Manakah antara pernyataan berikut berkaitan dengan sektor kedua?
- A Membekalkan perkhidmatan terus kepada pengguna
  - B Menghasilkan barang melalui transformasi input kepada output
  - C Mengekstrak sumber alam dengan mengeluarkan bahan mentah
  - D Menghasilkan sumbangan terbesar KDNK negara

6 Gambar 1 di bawah menunjukkan sebuah agensi.



Gambar 1

Manakah antara pernyataan berikut menerangkan peranan agensi di atas?

- A Menggubal undang-undang pengguna
- B Merangka dasar-dasar pembangunan setempat
- C Mewujudkan lebih banyak perusahaan kecil dan sederhana (PKS)
- D Melakukan kawalan terhadap kesihatan awam dan keselamatan

7 Apakah faktor dalaman yang mempengaruhi trend persekitaran perniagaan?

- I Sumber manusia
- II Teknologi maklumat
- III Persaingan dan jaringan
- IV Sosio budaya

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 8 Bagaimanakah kerajaan berperanan untuk menangani masalah inflasi di Malaysia?
- A Menurunkan kadar faedah simpanan
  - B Menurunkan kadar cukai pendapatan
  - C Memberi subsidi kepada pengeluar
  - D Mengurangkan eksport ke luar negara
- 9 Apakah faktor luaran yang menyebabkan trend menurun dalam persekitaran perniagaan?
- A Pekerja tidak bermotivasi
  - B Strategi pemasaran tidak berkesan
  - C Peningkatan kos pengeluaran
  - D Perubahan sikap pengguna
- 10 Jadual di bawah berkaitan dengan analisis SWOT.

Faktor dalaman	Faktor luaran
Kekuatan	<b>X</b>
Kelemahan	Ancaman

Jadual 1

Pilih pernyataan yang benar tentang X.

- A Keupayaan dan kemampuan yang dimiliki oleh perniagaan untuk bersaing
- B Kekurangan perniagaan dari segi sumber manusia, kepakaran dan bahan mentah
- C Perubahan persekitaran perniagaan yang membantutkan perkembangan perniagaan
- D Kelebihan yang diperoleh kesan daripada perubahan persekitaran perniagaan


11 Manakah antara berikut merupakan kesan perubahan dari aspek undang-undang terhadap persekitaran perniagaan?

- A Menyebabkan lambakan barang import
- B Pelaksanaan dasar fiskal dan dasar kewangan
- C Menyebabkan perubahan gaya hidup pengguna
- D Melindungi hak semua pihak dalam perniagaan

12 Pilih pernyataan yang menerangkan visi perniagaan.

- A Merupakan penerangan tentang aktiviti semasa organisasi
- B Memudahkan pengagihan sumber kepada setiap unit
- C Melibatkan perancangan jangka panjang organisasi
- D Membentuk maklumat khusus organisasi

13 Rajah 1 di bawah menunjukkan satu ciri objektif.



Rajah 1

Apakah ciri objektif P ?

- A Spesifik
- B Munasabah
- C Boleh diukur
- D Boleh dicapai

- 14 Maklumat di bawah menunjukkan satu misi sebuah perniagaan.



**Misi Korporat**

Menyediakan penjagaan yang lebih baik untuk pesakit pada kualiti tertinggi, serta memenuhi keperluan dan jangkaan pesakit dari segi keselesaan dan kemudahan rawatan.

Mengapakah misi tersebut dihasilkan?

- I Klinik Anda dapat menentukan perancangan jangka panjang perniagaan
  - II Klinik Anda dapat membina objektif perniagaan berdasarkan misi tersebut
  - III Keperluan setiap unit atau bahagian Klinik Anda dapat diagih dengan berkesan
  - IV Untuk menggambarkan satu sasaran spesifik yang ingin dicapai oleh Klinik Anda
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 15 Pernyataan manakah yang menerangkan faktor teknologi yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif sesebuah perniagaan?

- A Mempengaruhi pembelian produk yang dihasilkan oleh perniagaan
- B Perniagaan dapat beroperasi dengan lebih cekap dan berdaya saing
- C Kenaikan kos operasi perniagaan mengurangkan untung perniagaan
- D Pematuhan terhadap kadar perubahan cukai semasa

- 16 Antara berikut, manakah peranan bahagian fungsian pentadbiran?
- A Menguruskan mesyuarat
  - B Menyediakan bajet kewangan
  - C Melaksanakan program induksi pekerja
  - D Menyediakan jadual pengangkutan perniagaan
- 17 Antara berikut, manakah yang ditunjukkan dalam suatu carta organisasi?
- A Prosedur operasi standard
  - B Hierarki pengurusan
  - C Spesifikasi tugas
  - D Deskripsi tugas
- 18 Maklumat di bawah berkaitan dengan satu bahagian fungsian.

- Melabel dan menyimpan barang dengan baik
- Memastikan barang diterima pengguna pada tempat dan masa yang betul
- Memastikan pengangkutan yang diguna sesuai dengan barang

Apakah bahagian fungsian di atas?

- A Pengagihan
- B Pengeluaran
- C Khidmat Pelanggan
- D Teknologi Maklumat dan Komunikasi

19 Gambar 2 di bawah menunjukkan satu aplikasi teknologi maklumat dalam perniagaan.




Gambar 2

Mengapakah semakin banyak usahawan menggunakan aplikasi ini dalam menjalankan perniagaan mereka?

- A Usahawan dapat menerima tempahan pelanggan dengan segera
- B Usahawan boleh membuat pelaburan dengan lebih cepat
- C Usahawan dapat meningkatkan hasil jualan produk
- D Usahawan dapat meluaskan rangkaian perniagaan

20 Rajah 2 di bawah menunjukkan aliran barang bagi Kilang Kopi Harum Sendirian Berhad.



Rajah 2

Proses manakah yang melibatkan bahagian fungsian jualan?

- A I
- B II
- C III
- D IV

- 21 Apakah yang dimaksudkan dengan Pengurusan Sumber Manusia?
- A Usaha pembangunan tenaga kerja untuk menarik, membangun dan mengekalkan pekerja berprestasi tinggi
  - B Pengendalian dokumen bagi memastikan kerja dilakukan mengikut piawaian
  - C Menetapkan bidang tugas dan tanggungjawab pekerja berdasarkan kompetensi, pengetahuan dan kepakaran
  - D Membangunkan bakat pekerja menerusi pelbagai aktiviti dan menyediakan sumber pembiayaan pendidikan untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran pekerja.

- 22 Maklumat berikut berkaitan peranan pengurusan sumber manusia.

Syarikat Suria Bina Sdn. Bhd. mengamalkan konsep pengurusan TQM berikut :

- Fokus kepada pelanggan
- Penambahbaikan berterusan
- Penglibatan semua kakitangan

Amalan tersebut berkaitan dengan peranan

- A Latihan peningkatan kemahiran
  - B Menggalakkan kreativiti
  - C Pemantapan budaya professional
  - D Prestasi pasukan
- 23 Manakah aspek pengelolaan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan?
- A Pemberian insentif
  - B Penempatan pekerja dan fasiliti
  - C Merekrut pekerja
  - D Persekitaran kondusif

24 Pernyataan berikut merupakan prosedur pengurusan sumber perniagaan.

- Penyelenggaraan dan baik pulih secara terancang
- Perlindungan insurans dan keselamatan

Prosedur pengurusan tersebut melibatkan sumber

- A fizikal
- B teknologi
- C manusia
- D pembiayaan

25 Gambar 3 di bawah merupakan sebuah agensi kerajaan.



Gambar 3

Berdasarkan logo di atas, apakah fungsi utama agensi tersebut?

- A Memberikan bantuan pinjaman kepada perniagaan baharu
- B Memberikan khidmat nasihat dan latihan kepada usahawan
- C Menyediakan tapak niaga dan kemudahan infrastruktur
- D Mengukuhkan undang-undang harta intelek

- 26 Pernyataan berikut ialah prosedur Syarikat Biskut Crispy menguruskan salah satu sumber fizikal perniagaannya.

Menyelenggara mesin pembuatan biskut setiap 6 bulan

Apakah kesan kepada Syarikat Biskut Crispy atas prosedur yang telah dilaksanakannya?

- A Melindungi produk daripada ditiru oleh pihak lain
  - B Biskut yang dihasilkan lebih berkualiti
  - C Kejadian cetak rompak yang semakin berleluasa dapat dielakkan
  - D Memastikan operasi berjalan lancar dan kerosakan dapat diselesaikan segera
- 27 Maklumat berikut berkaitan satu sumber pembiayaan luaran.

Puan Salina bercadang untuk mendapatkan modal bagi memulakan perniagaan kerepek dengan menggunakan barang kemasnya untuk mendapatkan pinjaman yang patuh syariah.

Apakah sumber pembiayaan tersebut?

- A Overdraf
- B Pajakan
- C Sewa beli
- D Ar- Rahn

28 Berikut ialah maklumat berkaitan dengan situasi perniagaan Encik Saiful.

Encik Saiful mendapat kontrak menjahit baju sukan sekolah selama 7 tahun. Beliau memerlukan tambahan 10 buah mesin jahit industri tetapi tidak bercadang untuk memilikinya.

Berdasarkan situasi di atas, apakah sumber pembiayaan yang sesuai untuk Encik Saiful?

- A Sewa Beli
- B Rizab
- C Pemfaktoran
- D Pajakan

29 Maklumat berikut berkaitan dengan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan.

Syarikat Golden Sdn. Bhd ingin membuka satu lagi cawangan baharu perniagaannya tetapi kekurangan sumber pembiayaan. Syarikat bercadang untuk mendapatkan pembiayaan daripada pihak MARA.

Antara berikut, yang manakah prosedur yang perlu dipatuhi untuk mendapatkan sumber pembiayaan tersebut?

- I Menyediakan dokumen lengkap untuk diproses
- II Membuka akaun semasa untuk pengeluaran wang melebihi simpanan
- III Menyediakan barang kemas sebagai cagaran untuk mendapatkan pinjaman
- IV Menandatangani kontrak pembiayaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30 Pernyataan yang manakah benar tentang Kunci kira-kira?

- A Mengandungi butiran jualan bersih dan kos jualan
- B Mengandungi butiran hasil dan belanja
- C Menunjukkan harta dan hutang perniagaan
- D Menunjukkan penggunaan tunai bagi tempoh tertentu

31 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Cafe Rimbun.

	RM
Untung kasar	52 000
Gaji	8 000
Faedah atas simpanan	2 550
Kadar bayaran	2 800
Insurans	4 200
Komisen diterima	1 800

Berapakah untung bersih perniagaan tersebut?

- A RM 32 650
- B RM 41 350
- C RM 41 050
- D RM 37 750

- 32 Antara yang berikut, yang manakah kepentingan penyata kewangan kepada pihak-pihak tertentu dalam perniagaan?

	Pihak Berkepentingan	Kepentingan
I	Pembekal	Membuat perbandingan prestasi kewangan antara tahun semasa dengan tahun sebelumnya
II	Pengurusan	Garis panduan untuk merancang agihan sumber dengan berkesan
III	Pelabur	Membuat keputusan untuk melabur atau melepaskan pegangan ke atas saham syarikat
IV	Pembiaya	Panduan bagi menyusun strategi perniagaan seterusnya

- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 33 Perniagaan Anna Katering mempunyai aset semasa sebanyak RM 525 350 dan liabiliti semasa sebanyak RM 75 045. Berapakah nisbah semasa perniagaan tersebut?

- A 7 : 1  
B 8 : 1  
C 0.14 : 1  
D 0.15 : 1

- 34 Apakah peranan usahawan kepada masyarakat?
- A Mewujudkan Kerjasama serantau
  - B Mewujudkan aliran masuk modal asing
  - C Mempercepatkan proses pembangunan ekonomi
  - D Menyediakan pelbagai produk
- 35 Puan Afrina menghasilkan pelbagai jenis rekaan baju pengantin yang menarik dan unik serta mengikuti perkembangan fesyen semasa. Apakah ciri usahawan yang ada pada Puan Afrina?
- I Fleksibel
  - II Kreatif
  - III Inovatif
  - IV Semangat sepasukan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 36 Encik Anand telah mendaftarkan perniagaannya di SSM di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Apakah faedah yang diperoleh oleh Encik Anand atas tindakannya?
- A Dapat meningkatkan keuntungan perniagaan
  - B Mendapat entiti yang sah di sisi undang-undang
  - C Meyakinkan pihak bank untuk memberikan kemudahan kredit
  - D Dapat menaikkan imej perniagaan

- 37 Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh seorang usahawan untuk membuat perubahan alamat utama perniagaan?
- A Mempamerkan papan tanda dalam tempoh 30 hari
  - B Memperbaharui sijil perakuan dalam tempoh 30 hari
  - C Mendaftar perubahan maklumat dalam tempoh 30 hari
  - D Menamatkan pendaftaran perniagaan dalam tempoh 30 hari
- 38 Apakah dokumen perniagaan yang terlibat dalam belian barang niaga secara kredit?
- A Memo
  - B Invois
  - C Resit
  - D Penyata bank
- 39 Apakah maksud pemasaran?
- A Aktiviti tukar hak milik antara penjual dengan pembeli
  - B Aktiviti agih barang dari pengeluar kepada pengguna
  - C Strategi penetapan harga yang rendah terhadap produk
  - D Strategi menyalurkan produk daripada pengeluar kepada pengguna
- 40 Apakah kepentingan menyediakan rancangan perniagaan?
- A Meyakinkan pihak pelabur
  - B Meningkatkan imej perniagaan
  - C Membantu usahawan mengembangkan perniagaan
  - D Meningkatkan keyakinan pelanggan

**KERTAS SOALAN TAMAT**

